

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1992/93

Oktober/November, 1992

ATP300 - UNDANG-UNDANG SYARIKAT DAN KONTRAK

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. DUA soalan daripada Bahagian A dan DUA soalan daripada Bahagian B. Bahagian A berkaitan dengan Undang-Undang Kontrak, manakala Bahagian B berkaitan dengan Undang-Undang Syarikat.

Bahagian A

Jawab DUA soalan sahaja.

1. Seksyen 2(h) Akta Kontrak, 1950 (disemak 1974) berbunyi:

"Sesuatu perjanjian yang boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang adalah satu kontrak".

Berdasarkan kepada peruntukan di atas, nyatakan sama ada mencukupi atau tidak untuk diwujudkan suatu kontrak atau perjanjian yang boleh diiktiraf oleh Mahkamah di Malaysia?

[100 markah]

2. Dalam kes Ramsgate Victoria Hotel Co., Ltd., lwn. Montefiore (1866) L.R. 1 Ex. 109; (1866) 4 H & Co. 164 Mahkamah telah memutuskan bahawa Cadangan (Penawaran) telah menjadi luput dari segi masa kerana penerimaan telah tidak dibuat dalam jangka masa yang menasabah. Berdasarkan kepada keputusan kes ini dan kes-kes yang lain, analisislah bagaimanakah Cadangan (Penawaran) dan Penerimaan boleh dibuat dan dibatalkan?

[100 markah]

...2/-

ATP300

3. Lye Chee telah membuat pinjaman daripada Lee Chee Kiang sebanyak \$4,000.00 untuk menjalankan perniagaan menjual minuman. Kerana musim tengkujuh dan hujan lebat yang berterusan, Lye Chee hanya memperolehi keuntungan sebanyak \$1,000.00 sahaja selama 3 bulan berniaga. Dengan keuntungan itu, Lye Chee menawarkan kepada Lee Chee Kiang untuk melangsaikan semua pinjamannya dengan bayaran sebanyak \$600.00 sahaja. Lee Chee Kiang bersetuju. Selepas keadaan cuaca pulih seperti biasa dan pendapatan Lye Chee telah meningkat, Lee Chee Kiang merasa tidak puas hati dan menuntut lagi sebanyak \$3,400.00, baki pinjaman yang telah diberikan kepada Lye Chee. Sebagai seorang penguamcara dan penguambe-la, analisislah keesahan (validity) tuntutan Lee Chee Kiang terhadap Lye Chee.

[100 markah]

4. Dua orang perompak, Labu dan Labi yang bersenjatakan senapang patah dan pisau telah menyerbu masuk ke dalam rumah Haji Bakhil. Dengan suara yang keras, Labu dan Labi memaksa Haji Bakhil menandatangani dokumen pindah milik rumah banglo milik Haji Bakhil kepada mereka. Labu meletakkan muncung senapang patah tepat di dahi Haji Bakhil dan Labi meletakkan pisau di leher Haji Bakhil. Dalam keadaan ketakutan, Haji Bakhil terus menandatangani dokumen berkenaan. Haji Bakhil terus pitam dan meninggal dunia kemudiannya. Sebagai seorang waris dan pentadbir pesaka Haji Bakhil, anda dikehendaki untuk membincangkan hak dan kedudukan undang-undang yang boleh dituntut di mahkamah oleh waris Haji Bakhil.

[100 markah]

#### Bahagian B

Jawab DUA soalan sahaja.

5. Mengikut M.C. Oliver (1983), "Perkongsian membentuk satu persatuan secara bersama yang melibatkan penyertaan bersama dalam pengurusan dan perkongsian keuntungan". Bezakan entiti undang-undang di antara Perkongsian dan Syarikat berdasarkan kepada kenyataan di atas.

[100 markah]

...3/-

6. Samunrai dan Yamasikal bercadang untuk menubuhkan sebuah syarikat usahasama di Malaysia. Mereka berhasrat untuk mendaftarkan syarikat ini mengikut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dalam masa dua bulan lagi. Objektif utama syarikat ini ialah untuk mengeluarkan bahan letupan, mercun dan bunga api. Bagi memulakan operasi, Samunrai dan Yamasikal telah menandatangani beberapa kontrak atas nama syarikat yang akan ditubuhkan itu. Di antara kontrak yang dilakukan ialah menyewa sebuah bangunan kilang, membeli 5 jenis mesin automatik bagi membuat bahan letupan mercun, 2 buah kenderaan dan bahan mentah. Sebelum syarikat ini sempat didaftarkan, bangunan kilang yang disewa telah terbakar berpunca daripada letupan bahan mentah yang disimpan ti situ. Syarikat ini telah mengalami kerugian sebanyak \$10 juta. Sebagai kreditor kepada syarikat berkenaan, bincangkan kesan kontrak yang telah dibuat oleh Samunrai dan Yamasikal.

[100 markah]

7. Poo Pia dan Putu Mayom telah menubuhkan sebuah syarikat dengan objektif utama memajukan industri pelancongan di Langkawi. Syarikat ini telah membina 30 buah chalet, menyediakan kemudahan rekreasi sukan laut dan kraftangan. Selepas beberapa lama beroperasi, pengurus syarikat telah melakukan penyalagunaan wang syarikat yang menyebabkan syarikat ini menghadapi masalah kewangan yang tenat. Bagi meneruskan operasi syarikat, syarikat telah menukar bentuk perniagaan kepada penanaman durian, tembikai dan menternak ayam itik. Pemegang saham syarikat kini bercadang untuk membubarkan syarikat kerana objektif syarikat sekarang telah menjadi ultra vires dengan objektif asal syarikat. Nasihatkan pemegang saham syarikat.

[100 markah]

8. Dalam kes Royal British Bank lwn. Turquand (1856) 5 E & B; (1856) 6 E & B 327, mahkamah telah memutuskan bahawa sesebuah syarikat itu terikat dengan segala tindakan yang dibuat oleh pengarah syarikat. Bincangkan.

[100 markah]

---ooo000ooo---